



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI ARKEOLOGI (B.2 EB.3)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI ARKEOLOGI

JABATAN MUZIUM-MUZIUM

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Antropologi / Arkeologi / Geologi / Sejarah / Seni Bina / Seni Reka / Seni Lukis / Sosiologi atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik serta berkebolehan membaca tulisan ejaan jawi adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengendalikan dan mengawas segala kerja-kerja lapangan arkeologi, terutama sekali penggalian dan kerja-kerja penyelamatan tinggalan-tinggalan purbakala;
2. Bertanggungjawab dalam memproses data-data yang diperolehi hasil dari kerja luar, kerja-kerja dalam bengkel atau makmal;
3. Bertanggungjawab dalam menyediakan catatan-catatan dan laporan-laporan kerja luar bagi tujuan penerbitan dan ceramah;
4. Bertugas di lapangan untuk penyelidikan dan penelitian adalah satu kemestian; dan
5. Bersedia menerima apa juu tugas dan arahan Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan apabila diperlukan.